

PERANAN PENYIARAN DI DALAM PEMBANGUNAN NEGARA DI KAWASAN ASEAN.

oleh:

Fuziah Kartini Hassan Basri *SmSa (UKM)*
Wan Asmah Wan Abdul Rahman *SmSa (UKM)*
Rodzi Zain *SmSa (UKM)*

Pengenalan

Komunikasi ialah satu infrastruktur yang penting dalam proses pembangunan. Malahan komunikasi dan pembangunan mempunyai satu hubungan yang bersifat simbiotik di mana *"each feeds upon, stimulates and nourishes each other"* justeru dalam rancangan-rancangan pembangunan *"a sustained and expanding communications component"* adalah perlu (Feliciano 1974:1-2).

Salah satu aspek komunikasi yang sering dikaitkan dengan hal ini ialah penyiaran. Di sini penyiaran dikonsepsikan sebagai komunikasi melalui media radio dan televisyen – dua penciptaan yang menjadi fenomena sosial semenjak kemunculan mereka pada awal abad ini. Kedua-dua alat ini dikatakan mempunyai peranan utama dalam mempercepatkan proses modenisasi dan pembangunan sesebuah negara. Ini adalah jelas kerana radio dan televisyen merupakan jentera penyampai informasi dari pihak perancang pembangunan kepada pihak yang menerima pembangunan, iaitu masyarakat am. Penyiaran juga, terutamanya radio, dapat mengatasi masalah geografis dan butahuruf kerana kebolehannya menjangkau lautan dan gunung untuk menemui berjuta orang dengan serta merta dan cepat. Peranan penyiaran dalam pembangunan ini lebih dirasai di negara-negara yang mana kawasan pendalamannya masih kekurangan fasilita perhubungan fizikal dan taraf kenalhuruf di kalangan penduduk desa masih lagi rendah. Hakikat ini dapat dilihat dengan ketara di negara-negara sedang membangun, seperti di negara-negara ASEAN.

Media massa dan pembangunan : satu pengamatan teoritis

Sebelum kita meneliti akan tajuk sebenar penulisan ini, elok kiranya kita meneliti terlebih dahulu serba sedikit pengamatan teoritis mengenai media massa, termasuk media penyiaran, dan peranannya sebagai *input* pembangunan, untuk titik mula perbincangan ini.

Secara teoritis, peranan penyiaran dalam pembangunan negara dilihat dan dianalisa melalui pengkonsepsian luas media massa. Radio dan televisyen, dua komponen utama penyiaran, digolongkan sebagai bentuk-bentuk yang terdapat dalam saluran komunikasi media massa.


Peranan media massa, termasuk media penyiaran, dalam pembangunan negara lahir dari pendapat yang mempercayai bahawa manusia boleh dipengaruhi dan dibujuk melalui mesej yang datangnya dari media massa. Media dipercayai berperanan untuk mengujudkan satu kesedaran tentang modenisasi dan pembangunan di kalangan sistem penerimanya. Dalam erti kata lain, media dilihat sebagai *"the sociopsychological bricks of nation-building"* (Katz & Wedell, 1978:20).

Para pengkaji komunikasi, seperti Lerner, Schramm dan Rogers, memberikan fungsi yang dramatis kepada sistem media massa sebagai pendorong utama dalam proses pembangunan negara. Misalnya, Lerner dengan lantang mengaitkan manusia yang moden dengan pendedahan kepada media. Tesis yang disarankan oleh Lerner berpunca dari pengkonsepsiannya


[*Beliau sekarang sedang melanjutkan pelajarannya ke peringkat Sarjana di Universiti Illinois, U.S.A.]

bahawa pembangunan negara itu tercapai apabila masyarakat tradisional menjadi masyarakat yang giat menyertai aktiviti politik dan ekonomi negara. Lerner menyatakan bahawa penyerta-

an ini akan bertambah dengan adanya pendedahan yang kian bertambah oleh media massa. Secara daigramatik, saranan Lerner adalah seperti berikut:



Lerner juga menegaskan bahawa pendedahan kepada media juga boleh menaikkan taraf kenalahuruf masyarakat tradisional:




Jadi saranan Lerner ini mengaitkan empat pembolehubah wujudulu, iaitu urbanisasi, literasi, pendedahan media dan penyertaan kepada pembolehubah akibat (*consequent variable*), iaitu pembangunan dan modenisasi. Teori Lerner ini adalah diasaskan dari pendapat bahawa media penyiaran dapat memperkembangkan penyertaan psikologis atau darjah "empathy" seseorang individu. Dengan ini, seseorang itu mampu mempersepsikan keperluan-keperluan sosial, politik dan teknikal yang tiada terdapat di persekitaran masakininya. Dengan melihat apa yang wujud dalam persekitaran orang lain, kita akan sedar akan apa yang tidak wujud dalam persekitaran kita. Justeru radio dan televisyen yang kemampuan memperlihatkan dunia luar dari persekitaran kita, dapat meninggikan *psychic mobility* kita, lantaran bertindak sebagai faktor yang memotivasikan kita ke arah pembangunan.

Di samping Lerner, Schramm dan Rogers juga lantang memperkatakan tentang peranan media massa dalam pembangunan negara. Mereka menyarankan bahawa pembangunan itu berlaku apabila masyarakat mahu menerima

perubahan dan pembaharuan. Dalam hal ini, mereka mengemukakan lima tahap psikologis penerimaan sesuatu pembaharuan: kesedaran, minat, percubaan, penilaian dan penerimaan. Kajian-kajian empiri menunjukkan bahawa media massa memainkan peranan di tahap pertama dan kedua. Walau bagaimanapun media massa tidak boleh bertindak bersendirian; media massa hanyalah pembantu lelain jenis komunikasi, khususnya komunikasi prasemuka, untuk mengujudkan pembangunan. Media massa hanya boleh menimbulkan kesedaran dan minat di kalangan penerimanya.

Rogers memberikan peranan 'magic' kepada keupayaan media massa dalam pembangunan, melalui formula 'Magic Multiplier'. Pembolehubah-pembolehubah wujudulu, iaitu literasi, pelajaran, status sosial, umur dan kekosmopolitanan, bila didedahkan kepada media massa akan memunculkan pembolehubah-pembolehubah akibat, iaitu *empathy*, motivasi pencapaian, aspirasi pelajaran dan pekerjaan serta keinovatifan rumah tangga dan pertanian, di mana kesemuanya adalah *prerequisites* pembangunan, (sila rujuk daigram di bawah):



MAGIC MULTIPLIER: FORMULA ROGERS

Apabila kita meneliti pengamatan teoritis yang diberikan, kita dapati para pengkaji komunikasi sebenarnya bersependapat bahawa komunikasi melalui media massa, termasuk radio dan televisyen, berkeupayaan mengujudkan satu iklim yang sesuai untuk kemasukan unsur-unsur pembangunan. Ini adalah kerana media penyiaran merupakan jentera informasi dan informasi pula ialah satu prasyarat dan prasarana yang perlu dalam usaha pembangunan sesebuah negara. Informasi memberitahu dan mengisi kekosongan pengetahuan seseorang. Dan bila seseorang itu sudah diberitahu, satu reaksi akan timbul daripadanya; lazimnya, manusia memang bertindak kepada informasi. Maka bertitik tolak dari sinilah, para pengkaji sains sosial mengemukakan saranan bahawa media penyiaran sememangnya berfungsi sebagai alat yang menyedarkan penduduk sesebuah negara tentang pembangunan.

Dari saranan-saranan yang dibuat oleh ahli-ahli teori, kita beralih pula kepada amalan-amalan yang dibuat oleh para pengamal media, khususnya para penyiar. Sejauh manakah pemutus-pemutus polisi dan penyiar-penyiar di negara-negara ASEAN menerima dan dipercayai saranan-saranan yang dikemukakan sarjana-sarjana tadi tentang kebolehan penyiaran untuk memainkan peranan dalam pembangunan negara?

ASEAN : Polisi penyiaran

Di peringkat serantau, kesedaran tentang potensi media penyiaran untuk membantu proses pembangunan adalah jelas dalam kegiatan-kegiatan ASEAN.

ASEAN dilahirkan melalui perisytiharan Deklarasi Bangkok pada 8 Ogos 1967, di mana lima buah negara di rantau Asia Tenggara, iaitu Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand and Filipina, bergabung dalam satu pakatan kerjasama serantau. Antara tujuan utama penubuhan ASEAN ialah untuk "mempercepatkan pertumbuhan ekonomi, kemajuan sosial dan perkembangan kebudayaan melalui usaha bersama di

dalam semangat persamaan kerjasama bagi memperteguhkan landasan ke arah kemakmuran bagi masyarakat Asia Tenggara." Untuk mencapai hasrat pembangunan ini, beberapa aktiviti dan tindakan kerjasama dijalankan, termasuklah "rancangan-rancangan televisyen dan radio ..." (SEADAG 1967: 1-2).

Ungkapan itu menunjukkan betapa pemutus-pemutus dasar di negara-negara kawasan ASEAN mengambil kira dan memberikan perhatian wajar terhadap peranan penyiaran dalam pembangunan negara masing-masing. Malahan penyiaran kini merupakan satu komponen dalam perancangan pembangunan dan disokong-bantu dengan imaginasi serta tenaga-tenaga profesyenal dalam projek-projek pembangunan yang diusahakan. Media penyiaran di negara-negara ASEAN kini bukan setakat menjadi media hiburan semata-mata, tetapi juga sebagai alat yang mendifusikan dan menyebarkan mesej-mesej pembangunan.

Negara-negara di kawasan ASEAN juga berkeuntungan kerana menjadi anggota Persatuan Penyiaran Asia atau ABU. Melalui ABU, negara-negara ASEAN dirangkaikan dalam satu usaha 'concerted' di peringkat serantau bagi meluaskan penggunaan media penyiaran untuk tujuan pembangunan. Salah satu resolusi yang diluluskan dalam persidangan-persidangan ABU ialah penyiar-penyiar di Asia akan lebih mempergiatkan lagi usaha mereka untuk menggalakkan atau mengemukakan melalui radio dan televisyen berkenaan dengan persefahaman dan muhibbah di kalangan rakyat di kawasan tersebut. Oleh itu ABU mempunyai kod penyiarannya yang tersendiri, yang antara lain bertujuan untuk menghormati hak asasi manusia, menggalakkan perkembangan kemajuan pelajaran dan kebudayaan serta menggalakkan keharmonian antarabangsa, toleransi agama dan persefahaman antarabangsa (Hashim Amir Hamzah 1979). Jadi jelaslah betapa negara-negara di kawasan ASEAN mengambil berat dan menyedari akan peranan yang boleh dimainkan oleh penyiaran sebagai penyebar informasi untuk memupuk perpaduan kebangsaan dan pertum-

buhan sosioekonomi dan seterusnya mempercapat dan membantu usaha membangunkan negara masing-masing.

Untuk meneliti dengan lebih lanjut tentang kesedaran ini, elok kiranya kita tinjau keadaan yang berlaku di kelima-lima negara anggota ASEAN ini. Rata-ratanya kita dapat mengatakan bahawa media penyiaran di negara-negara ini diatur dalam satu bentuk sistem yang tersendiri demi untuk memenuhi kehendak-kehendak pembangunan negara masing-masing.

Republik Filipina

Republik Filipina merupakan gugusan pulau-pulau sebanyak lebih kurang 7,100 buah semuanya. Jadi dari sudut geografinya, Republik ini mengalami keterpisahan fizikal. Ini ditambah lagi dengan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang, berbukit-bukau dan sebagainya. Sifat fizikal sebegini menimbulkan masalah perhubungan dan komunikasi yang sukar diatasi.

Negara ini juga telah melalui beberapa tahap penjajahan sebagaimana yang selalu dialami oleh negara-negara yang baru muncul. Filipina pernah dijajah oleh Sepanyol selama lebih 300 tahun, oleh Amerika Syarikat selama lebih kurang setengah abad, pernah menjadi ahli Commonwealth untuk selama sepuluh tahun dan kini sebagai sebuah negara yang merdeka. Tiap-tiap tahap sejarah ini telah mencipta satu set pengaruh yang berbeda-beda terhadap corak budayanya. Justeru Filipina sehingga hari ini, masih mengalami masalah penyatuan ataupun integrasi budaya.

Sehubungan dengan masalah integrasi budaya ialah masalah perpaduan kebangsaan yang disebabkan oleh kependudukan yang terdiri dari pelbagai etnik, bahasa dan agama. Kumpulan minoriti yang ujud merupakan kumpulan pendesak yang menghasilkan ketidakstabilan politik di negara ini. Stratifikasi dalam

masyarakat Filipina juga mengakibatkan masalah perpaduan. Kedudukan masyarakat yang berklas-klas ini juga menambahkan masalah ekonomi kerana timbulnya hubungan yang dieksploitasi dan yang mengeksploitasi. Rata-ratanya apa yang dihadapi ialah masalah pertambahan pengharapan dan pemenuhan pengharapan yang terhad. Dr. V.B. Valdepenas telah menunjukkan realiti tentang ekonomi Filipina di mana beliau sebutkan sebagai "*Filipino Harvest of Shame*". Beliau menyatakan ekonomi Filipina telah menimbulkan satu budaya kemiskinan yang akan menjadi "*a way of life*" bagi 70 peratus penduduknya (Gorospa & Deuts 1973:xvi).

Kerajaan Marcos menyedari masalah-masalah ini justeru merangka beberapa strategi yang keseluruhannya memerlukan penglibatan total rakyat secara bersungguh-sungguh. Dalam hal ini, media penyiaran di peringkat kebangsaan dan daerah diberikan peranan yang penting, apatah lagi, radio yang dapat melintasi halangan-halangan fizikal dan geografis di negara yang berpulau-pulau ini.

Sejarah penyiaran di Republik Filipina bermula dalam tahun 1922 bila tertubuhnya tiga stesyen kecil di Manila. Setelah itu penyiaran di Filipina bertukar milik dan kawalan adalah mengikut dasar-dasar tuan-tuan penjajah. Pada awalnya, media penyiaran di Filipina gagal mengatasi masalah-masalah negara yang rumit tadi, malahan lebih menambah-burukkan keadaan.

Apabila Marcos dipilih sebagai Presiden dalam tahun 1969, polisi kawalan bentuk oligarki terhadap media massa diperkenalkan. Pelbagai usaha telah dibuat untuk membaiki keadaan dan kedudukan media penyiaran ketika itu. Pihak pemerintah semakin hari semakin sedar akan peranan yang dapat dimainkan oleh penyiaran untuk membentuk mengurangkan masalah-masalah negara dan mengarah rakyat untuk menyertai kempen-kempen pembangunan negara yang dirancang pemerintah.

Dalam tahun 1974, penyiaran Filipina

diletakkan di bawah Jabatan Penerangan Awam. Ini membolehkan kerajaan menggunakan media penyiaran sebagai satu saluran guna menyampaikan informasi untuk menyokong usaha pembangunan yang dijalankan. Di bawah Biro Penyiaran, satu organisasi yang dikenali sebagai LINK diberi tugas sebagai penyeiaras program-program pembangunan, yang dikeluarkan melalui radio dan televisyen.

Bagi tujuan memupuk perpaduan dan integrasi budaya dan etnik di Republik ini, rancangan-rancangan media penyiarannya banyak memuatkan propaganda dengan cara selitan ucapan ucapan presiden atau penerapan sebarang hal yang rasmi dan berkaitan dengan perpaduan negara. Pemerintah Filipina juga menyedari bahawa perasaan cintakan tanah air perlu disemai semasa rakyatnya masih diperingkat "rebung" supaya arah pembangunan negara akan terjamin. Oleh itu, unsur-unsur budaya dan pengetahuan menjadi *input* penting dalam usaha ini. Di sini media penyiaran turut memainkan peranannya dalam memajukan unsur-unsur ini kepada *'the future Filipino citizens'* melalui siaran radio pendidikan ke sekolah-sekolah.

Bagi tujuan meluputkan *"Filipino Harvest of Shame"* dan membantu pertumbuhan ekonomi desa dan pertanian, media penyiaran di Filipina tidak ketinggalan memainkan peranannya. Sekali dalam seminggu satu forum mengenai isu-isu *'grassroot'* disiarkan melalui radio dan televisyen. Setiap awal pagi pula, diperdengarkan topik-topik pembangunan, terutamanya dalam sektor pertanian. Lebih khusus dan lengkap lagi ialah rancangan *'Rural Development Information Program'* yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Awam melalui radio Filipina. Rancangan ini adalah khusus untuk membangunkan masyarakat desa melalui penerangan supaya mereka mengeksploitasikan punca-punca keluaran yang ada di persekitaran mereka supaya pembangunan sosioekonomi mereka akan lebih terjamin. Siaran ini juga adalah bertujuan untuk mengubah sikap penduduk desa supaya mereka sedar tentang kepentingan pembangunan.

Namun begitu adalah sukar untuk mengukur sejauh mana berkesannya media penyiaran dalam memainkan peranannya untuk menyedarkan masyarakat Filipina tentang perubahan dan pembangunan. Ini adalah kerana kurangnya atau tiadanya kajian yang dibuat setakat ini. Walau bagaimanapun, satu kajian yang dibuat dalam tahun 1973 menunjukkan 60 peratus penduduk desa di Republic Filipina menerima penerangan dari kerajaan melalui radio. Malahan, di Filipina hari ini, alat komunikasi yang paling elektif untuk mencapai penduduk-penduduk desa ialah radio. Charlie Agatep memberikan empat sebab menyokong hakikat ini: i) radio berkebolehan mengatasi jurang butahuruf; ii) radio banyak dimiliki oleh penduduk desa; iii) radio ialah saluran komunikasi yang segera dan cepat dan iv) radio boleh membuat siaran daerah yang menggunakan bahasa daerah, justeru berkesan kepada penduduk setempat (Paredes 1976:195).

Sebagai rumusan, media penyiaran di Filipina membantu usaha pembangunan negara dalam ertikata ianya dapat mentatasi beberapa halangan fizikal dan geografis di negara itu dan isi kandungannya pula dirangka khas untuk memberikan informasi pembangunan, terutamanya pembangunan desa, dan propaganda-propaganda perpaduan. Penyiaran di Filipina mungkin berjaya memberikan kesedaran terhadap keinginan untuk membantun, tetapi setakat mana keberkesanan peranannya dalam pembangunan Filipina masih menjadi tandanya.

Republik Singapura

Singapura ialah sebuah negara republik yang baharu merdeka. Dari segi geografis dan fizikal, Republik ini ialah sebuah pulau kecil yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia dan tidak mempunyai sifat-sifat muka bumi yang boleh menjadi halangan besar kepada perhubungan dan komunikasi. Ia adalah sebuah negara kecil yang lebih dikenali sebagai sebuah pelaburan.

Sejarah yang dilalui oleh Singapura adalah tidak begitu berbeda dari Malaysia kerana pada suatu ketika dalam sejarah, ianya pernah di-

golongkan sebagai sebuah jajahan di Semenanjung Tanah Melayu (Malaya). Bermula sebagai sebuah bandar pelabuhan, Singapura kini ialah sebuah negara pelabuhan yang makmur dan boleh dikatakan paling sibuk di rantau ini. Dari sudut politik, Singapura adalah agak mantap dan bersistemkan satu parti (People's Action Party). *Dari segi kependudukan pula, Singapura ialah sebuah negara 'multi-ethnic', yang mana bilangan majoriti adalah kumpulan etnik Tionghua. Arah pembangunan Singapura ialah terhadap urbanisasi dan industrialisasi. Dalam usaha menuju ke arah ini, Singapura mengalami beberapa masalah dasar. Antara yang utama ialah masalah kesesakan penduduk, bilangan penduduk muda yang ramai, dan beberapa masalah kaitan atau ikutan dari struktur kependudukan negara. Oleh itu, antara item-item yang diberi keutamaan dalam objektif pembangunan Republik ini ialah penanaman nilai-nilai baru bersesuaian dengan hala urbanisasi dan industrialisasi negara, pendidikan moral penduduk-penduduk muda serta pembangkitan kesedaran sivik di kalangan penduduk negara supaya sumber-sumber negara yang terhad dapat digunakan dengan jimat. Apakah peranan penyiaran di Singapura dalam membantu Kerajaan menyampaikan kepada serta menyedarkan rakyatnya tentang isu-isu pembangunan yang diberikan keutamaan ini?*

Sejarah penyiaran di Republik Singapura bermula sealiran dengan Malaysia. Setelah terpisahnya Singapura dari Malaysia dalam tahun 1963, Radio Televisyen Singapura (RTS) tertubuh di bawah kendalian Jabatan Penyiaran, Kementerian Kebudayaan Singapura. Rancangan-rancangan RTS adalah tertumpu untuk membentuk perasaan kerjasama dan bertimbang rasa antara kaum bagi mewujudkan satu komuniti yang padu supaya pembangunan negara dapat berjalan dengan licin.

Satu daripada keistimewaan RTS ialah ia amat mengambil berat tentang pembangunan moral, sivik dan mental masyarakat Singapura. Ini adalah sejajar dengan matlamat pembangunan negara yang dirangka pemerintah. Sebagai contoh ialah rancangan-rancangan selitan bercorak kapsul yang berupa nyanyian ala *jingle*

yang sering berkumandang di Radio Singapura. *Jingle* ini sebenarnya adalah kempen-kempen tertentu yang bertujuan menyedarkan masyarakat Singapura tentang sesuatu perkara, umpamanya kempen "Jagalah Kebersihan Bandar Singapura" dan kempen "Jimatkan Air". Kempen-kempen seperti ini adalah penting kerana kebersihan bandar merupakan satu tarikan kepada pelancung-pelancung (perusahaan pelancungan adalah satu sumber pendapatan yang dianggap penting di Singapura); dan air pula ialah satu komoditi yang terhad di Singapura, malahan ianya amat bergantung kepada negeri Johor. Justeru kempen-kempen seperti ini, di samping dapat menyedarkan perasaan sivik dan moral rakyat Singapura, juga dapat membantu pertumbuhan ekonomi negara secara tidak langsung.

Salah satu dasar Kerajaan Singapura untuk tujuan pendidikan moral rakyatnya ialah tidak menggalakkan beberapa perkara seperti hippisme, keganasan, seks, dadah dan soal-soal sensitif yang menyentuh agama dan bangsa. Justeru penapisan untuk rancangan-rancangan RTS mengambil kira tentang dasar dan peraturan ini. Sebagai contoh, Stesyen Rediffusion lebih banyak menyiarkan rancangan dari luar negeri dari rancangan tempatan. Di sini, Jabatan Penyiaran Singapura menjadi badan penapis yang ketat.

Kerajaan Singapura juga mengambil berat tentang pendidikan bakat-bakat pemimpinnya. Media penyiaran di sini turut memainkan peranannya melalui Perkhidmatan Media Pendidikan Singapura. Sistem penyiaran televisyen pendidikan Singapura ini amat berkait rapat dengan dasar Kementerian Pelajaran Singapura. Jadi penyiaran di Singapura juga merupakan alat bantu mengajar dalam sistem pelajarannya, dan pelajaran, sayugia diingatkan, adalah salah satu *input* pembangunan yang asas. Peranan media di sini ialah sebagai pembolehubah tengah yang boleh meningkatkan lagi pembolehubah-pembolehubah akibat yang merupakan *prerequisites* pembangunan. Ini bersesuaian dengan formula '*magic multiplier*' yang disarankan oleh Rogers (sila rujuk muka surat 4).

Tidak banyak dapat diperkatakan tentang peranan penyiaran di Singapura terhadap pembangunan negara secara total. Walau bagaimanapun, sistem penyiarannya adalah digalakkan mengikut dasar-dasar dan ideologi pemerintah dan berobjektifkan matlamat-matlamat pembangunan negara. Namun begitu setakat mana ianya berkesan masih belum dikaji dengan mendalam. Tetapi apabila kita melihat kebersihan bandar Singapura, kita akan teringat kepada kempen yang dijalankan melalui RTS – apakah hakikat ini menunjukkan keberkesanan media penyiaran di Singapura? Kebelakangan ini, RTS ditukar namanya dan kini menjadi sebuah perbadanan, iaitu Perbadanan Penyiaran Singapura. Perubahan ini, walau bagaimanapun bukan bererti perubahan matlamat penyiaran di Singapura – malah peranannya sebagai agen dan penyampai mesej pembangunan negara semakin diperberatkan. Kesannya masih menjadi persoalan besar.

Thailand

Thailand merupakan sebuah negara yang agak unik sedikit di dalam ASEAN ini. Ini ialah kerana pensejarahan negara ini adalah berlainan sedikit dari negara-negara ASEAN yang lain – ianya tidak pernah dijajah secara langsung. Walaupun demikian, ini bukan bererti Thailand itu ialah sebuah negara merdeka yang juga merdeka dari masalah-masalah rumit. Keadaan fizikal dan sifat geografis Thailand yang dicirikan dengan permukaan bumi yang menyulitkan perhubungan menyukarkan usaha pembangunan negara. Begitu juga dengan hutan tebal yang terdapat di tanah tinggi Thailand; tempat-tempat ini menjadi tempat persembunyian anasir-anasir subversif yang mengancam keselamatan dan kestabilan politik negara. Kependudukannya pula adalah bersifat pelbagai etnik dan *tribal* dan ini menimbulkan masalah integrasi bangsa untuk perpaduan negara. Kependudukan sebegini mewujudkan satu sikap '*complacent*' di kalangan rakyat Thai, iaitu mereka seolah-olah tidak sedar akan apa yang berlaku di negara mereka dan justeru itu kurang atau tidak menyertai kegiatan-kegiatan yang dijalankan untuk pembangunan negara. Sikap ini adalah

paling ketara di kalangan kumpulan-kumpulan etnik dan *tribal* di kawasan pergunungannya.

Justeru itu sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Thailand mempunyai beberapa keutamaan tertentu: antaranya ialah untuk menggalakkan penyertaan rakyat dalam rancangan-rancangan pembangunannya, membawa rakyat dari satu keadaan *complacent* dan penuh *apathy* kepada satu keadaan di mana kesedaran untuk membangun adalah nyata, dan untuk menyediakan peluang-peluang demi mencapai keadilan sosial, kesamaan dan kebebasan dari ancaman-ancaman dan tekanan-tekanan subversif, terutamanya dari golongan komunis, serta mencapai kestabilan politik negara. Apakah penyiaran di Thailand mengambil kira akan matlamat-matlamat pembangunan ini?

Penyiaran di Thailand adalah di bawah kawalan kerajaan melalui Jabatan Perhubungan Awamnya atau PRD. PRD ditugaskan untuk menentukan bahawa kesemua program yang disiarkan adalah "*in good taste and do not threaten public safety and security*" (Lent 1978:125). Demi menjamin bahawa penyiaran di Thailand, sama ada berbentuk perdagangan atau bukan perdagangan, memainkan peranan yang positif untuk membentuk laluan jentera pembangunan negara, satu peraturan kerajaan mengenai radio dan televisyen telah digalakkan dalam tahun 1975. Peraturan tersebut mempunyai matlamat:

- i untuk memajukan polisi negara dan mengutarakan keistimewaan awam dalam tentera, politik, ekonomi dan kemasyarakatan;
- ii membujuk rakyat untuk yakin terhadap negara, agama dan raja;
- iii memupuk perpaduan di kalangan rakyat Thai;
- iv meninggikan ketahanan terhadap musuh-musuh negara, di luar atau dalam negeri;
- v menyokong aktiviti pelajaran dan pendidikan kebangsaan;
- vi menyampaikan informasi kerajaan dan berita demi melahirkan rasa perse-

fahaman di kalangan rakyat;

- vii) menggalakkan orang ramai untuk mempraktikkan adat resam tradisi dan bahasa Thai; serta,
- viii) memberikan pengetahuan dan hiburan yang mendatangkan faedah kepada rakyat.

Jelasnya matlamat-matlamat tadi menunjukkan bahawa dari segi polisi, penyiaran di Thailand dibentuk supaya menjadi alat bantu kepada usaha pembangunan negara. Apakah dari segi praktiknya penyiaran di Thailand mampu memainkan kesemua peranan-peranan itu?

Kajian yang dibuat oleh Universiti Thammasatt dalam tahun 1975 menunjukkan bahawa kebanyakan isi kandungan media penyiaran di Thailand adalah bercorak hiburan (58.9%). Jadi di manakah letaknya keutamaan-keutamaan yang telah digariskan dalam peraturan yang disebut tadi?

Namun begitu, penyiaran di Thailand banyak menyalurkan berita-berita yang berhubungan dengan pembangunan negara. Kajian pula menunjukkan bahawa taraf *credibility* berita-berita ini, terutamanya melalui radio, adalah tinggi dan berpengaruh di kalangan rakyat. Ini adalah satu kesan positif yang dapat menunjukkan peranan penyiaran di Thailand dalam usaha untuk menyedarkan rakyat tentang kepentingan pembangunan justeru menggalakkan penyertaan mereka.

Kerajaan Thai mendakwa bahawa penyiaran di Thailand digunakan untuk tujuan pembangunan sosial dan ekonomi negara. Tetapi beberapa *constraint* tertentu membataskan tujuan ini daripada dirasai sepenuhnya; kajian Universiti Thammasatt menunjukkan bahawa rakyat Thai menggunakan radio sebagai teman dan mendengar apa yang sedap sahaja tanpa mengira atau mengambil berat tentang mesej yang hendak disampaikan — jadi apa jadi dengan mesej-mesej itu? Mungkin penyiar-penyiar Thai harus mencari jalan baru supaya *constraint* ini dapat diubah untuk menjadi *resource*. Ini pula mungkin tersekat kerana adanya prasangka bahawa penyiar-penyiar di Thailand merupakan

di antara kakitangan-kakitangan Kerajaan yang paling korup (Manit Varin 1978:17).

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa peranan penyiaran di Thailand dalam pembangunan negara adalah agak kabur, walaupun di peringkat polisinya kelihatan kemas. Lantaran itu, mungkinkah satu dasar baru harus digubal supaya peranannya serta potensi peranannya untuk menjadi alat bantu pembangunan negara akan lebih berkesan?

Republik Indonesia

Seperti Republik Filipina, Republik Indonesia juga merupakan sebuah negara merdeka yang menggabungkan ribuan pulau di Nusantara dalam satu sempadan politik. Justeru itu Republik ini mengalami masalah keterpisahan fizikal yang nyata yang juga membawa kepada masalah-masalah turutan seperti integrasi dan perpaduan bangsa. Sejarah penjajahannya pula adalah penuh dengan kisah-kisah penindasan oleh tuan-tuan penjajah, iaitu penjajah Belanda, Portugis dan Inggeris serta Jepun (ketika Peperangan Dunia Kedua). Dasar-dasar pembangunan pertaniannya yang tidak rata, menimbulkan masalah kemiskinan dan ketidaksamaan agihan kekayaan negara yang berlarutan di desa-desa hingga ke hari ini. Untuk mengatasi masalah-masalah ini Kerajaan Indonesia menggalurkan beberapa matlamat pembangunan sesuai dengan konsep dan falsafah Pancasila yang menjadi teras pembangunan negara. Bagaimanakah pula kedudukan penyiaran di Indonesia dalam membantu usaha-usaha ini?

Sejak awal lagi penyiaran di Indonesia memainkan peranan untuk memenuhi kehendak-kehendak semasa negara. Misalnya, apabila Radio Republik Indonesia ditubuhkan dalam tahun 1945, ianya merupakan badan bagi Kerajaan untuk menyebarkan fahaman nasionalisme supaya rakyat bersatu menentang penjajahan dan imperialisme demi mencapai pembangunan yang sebenar-benarnya ke Indonesiaan. Begitu juga dengan Televisyen Republik Indonesia (TVRI) yang berperanan sebagai alat penyampai mesej pemerintah kepada rakyat. Ini jelas semasa Kerajaan Indonesia menjalankan kempen demokrasi berpandu di

awal tahun enam-puluhan. Demokrasi berpandu ini dianggap penting untuk pemerintah kerana ianya merupakan satu sistem politik yang dapat menggiatkan penyertaan rakyat dalam usaha pembangunan sosioekonomi negara. Justeru TVRI memainkan peranannya dalam kempen ini dengan menumpukan perhatiannya kepada penerbitan yang bercorak "politik-patriot-propagandis".

Selaras dengan konsep Pancasila, penyiaran di Indonesia menunjukkan toleransi agama. Toleransi agama merupakan ciri penting bagi mewujudkan integrasi dan perpaduan bangsa Indonesia. Lantaran tertubuhlah unit-unit penyiaran yang menggalakkan penyiaran bercorak keagamaan bagi pendidikan rakyat Indonesia yang mengamalkan pelbagai kepercayaan. Sebagai contoh ialah Sanggar Prathivi, iaitu unit penyiaran kawalan Kerajaan khusus untuk kaum Katholik. Unit ini bertujuan untuk mengubah nilai masyarakat kepada yang lebih positif untuk pembangunan dan perpaduan bangsa serta menjadi model subsistem komunikasi yang diarahkan kepada pembangunan nasional.

Sebagai usaha membantu pembangunan pertanian dan pembangunan desa, penyiaran di Indonesia menunjukkan peranannya yang nyata dan berkesan. Ini ialah melalui siaran yang khusus ditujukan kepada masyarakat desa berbentuk *radio farm forum*, iaitu Siaran Pedesaan. Siaran Pedesaan ini ialah satu alat sokong-bantu kepada aktiviti perkembangan pertanian dan pembangunan desa di Indonesia, dan dikendalikan oleh radio-radio daerah. Kumpulan-kumpulan pendengar ditubuhkan di perdesaan yang berkenaan untuk mendengar, berbincang dan bertindak hasil dari siaran yang dibuat. Mengikut Eschenbach, siaran ke desa-desa melalui kumpulan pendengar (*listening groups*) setakat ini adalah cara yang paling cekap untuk komunikasi desa dan amatlah berguna untuk tujuan pengembangan mesej-mesej pembangunan. Walau bagaimanapun, Siaran Pedesaan ini dibantu kuat oleh lalain corak komunikasi seperti komunikasi prasemuka dan organisasi akhbar. Jadi Siaran Pedesaan adalah satu alat yang penting untuk mengatasi masalah-masalah

petani, menambahkan pengetahuan petani dan membantu kakitangan-kakitangan pembangunan menjalankan tugas mereka (Eschenbach 1972).

Jelasnya penyiaran di Indonesia memang bertujuan memandu rakyat ke arah pembangunan kebangsaan; rancangan-rancangan TVRI dan RRI menekankan pendidikan, informasi yang sejajar dengan falsafah kebangsaan Pancasila. Pengawasan Kerajaan terhadap stesyen-stesyen penyiaran membuktikan kepercayaan pemutus-pemutus dasar di Indonesia bahawa media massa bukan setakat menyebarkan informasi dan membentuk pendapat politik, tetapi juga boleh bertindak sebagai agen perubahan sosial dan modenisasi. Radio, terutamanya, dipersepsi sebagai mekanisme untuk mengatasi jurang fizikal dan psikologis antara desa dan kota, serta menguatkan integrasi sosial dengan penyebaran informasi dan persamaan bentuk hiburan (Jakob Oetama 1978:82).

Malaysia

Malaysia dianggap sebagai sebuah negara di Asia Tenggara yang sedang mengalami pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang paling membanggakan. Dari segi fizikal dan geografis Malaysia agak beruntung sedikit kerana tiadanya halangan-halangan yang besar yang boleh merumitkan perhubungan dan komunikasi. Keterpisahan fizikal negeri-negeri Sabah dan Serawa kdari Semenanjung dapat diatasi melalui teknologi komunikasi, iaitu dengan penggunaan *troposcatter* dan *seacom*. Dari segi politik, ianya merupakan antara yang paling stabil di negara sebefah sini. Dari segi kependudukan pula, Malaysia ialah negara muda yang mempunyai penduduk dari pelbagai etnik, bahasa dan agama. Ini terhasil dari dasar-dasar penjajahan yang dialami semasa sejarah penjajahan Malaysia. Keadaan ini menimbulkan beberapa masalah integrasi dan perpaduan kebangsaan dan pembentukan identiti Malaysia. Oleh itu, Kerajaan Malaysia mempunyai dua matlamat utama melalui rancangan-rancangan pembangunan lima tahunnya dan Dasar Ekonomi Baru yang digubal dalam Rancangan Malaysia Kedua 1970 – 1974. Ini ialah usaha

membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia tanpa mengira bangsa, keturunan dan agama. Di manakah letaknya peranan penyiaran di Malaysia dalam membantu usaha ini?

Di Malaysia, sistem penyiarannya adalah di bawah pengawasan Kementerian Penerangan. Di peringkat polisi, penyiaran di Malaysia diperakukan dan dipertanggungjawabkan sebagai alat penting untuk membantu dan menyedarkan rakyat kepada usaha-usaha dan dasar-dasar pembangunan negara. Radio Televisyen Malaysia (RTM) ditubuhkan dengan lima matlamat penting yang dapat dianggap sebagai bingkai atau kawasan kegiatannya, iaitu:

- i menerangkan secara mendalam dasar dan rancangan Kerajaan dengan mengadakan liputan yang seluas-luasnya bagi membolehkan rakyat memahami dengan tepat dasar-dasar dan rancangan-rancangan Kerajaan;
- ii menggalakkan perhatian rakyat dan cara mereka berfikir untuk melahirkan perubahan-perubahan sikap yang sejajar dengan kehendak-kehendak dan dasar-dasar Kerajaan;
- iii membantu lahirnya kesedaran sivik dan menggalakkan perkembangan seni dan kebudayaan Malaysia;
- iv mengadakan bahan yang sesuai untuk ilmu pengetahuan am, penerangan am dan hiburan; dan
- v membantu mewujudkan perpaduan kebangsaan melalui Bahasa Malaysia dan membentuk satu kebudayaan nasional di kalangan masyarakat berbilang kaum.

(Jaafar Kamin 1979:5)

Kelima-tima matlamat ini dengan jelas menunjukkan peranan RTM sebagai penyampai maklumat dan dasar pemerintah kepada rakyat bagi tujuan pembangunan negara secara total. Dalam semua matlamat ini, yang paling penting dari segi komunikasi ialah peranan RTM dalam menimbulkan perubahan sikap pendengar dan penonton serta menimbulkan daya berfikir

(*to agitate*) yang positif. Sejauh manakah RTM memenuhi matlamat-matlamat ini?

Adalah sukar untuk mengetahui secara khusus sejauh mana RTM berkesan untuk memenuhi matlamat-matlamatnya. Ini disebabkan kurangnya atau tiadanya kajian-kajian khas yang dibuat untuk meneliti keberkesanan RTM dalam memainkan peranannya sebagai alat-bantu usaha pembangunan negara, seperti yang tertera melalui matlamat-matlamatnya. Namun begitu beberapa pemerhatian kasar menunjukkan bahawa RTM boleh dianggap berjaya dalam mencapai beberapa matlamat tertentu. Umpamanya RTM berjaya menimbulkan minat dan meninggikan kesedaran orang ramai tentang seni dan budaya tanah air. Pendedahan yang dibuat oleh RTM melalui Pertandingan Pesta Dendang Rakyat dan sebagainya serta siaran lagu-lagu dan muzik-muzik tradisional Malaysia adalah agak mengesankan.

Seperkara lagi yang menarik tentang RTM ialah usaha gigih yang dimainkannya sebagai saluran maklumat pembangunan dari Kerajaan dan agensi-agensinya pembangunan yang khusus ditubuhkan untuk pembangunan desa, umpamanya FELDA dan RISDA. Ini jelas melalui rancangan-rancangan seperti Halaman Pertanian, Pembangunan Desa dan rancangan-rancangan buatan berbentuk kapsul. Lebih menarik lagi apabila kita teliti struktur dan bahagian-bahagian yang terdapat di dalam organisasi RTM atau Jabatan Penyiaran Malaysia; RTM mempunyai bahagian khas yang menerbitkan rancangan-rancangan khusus untuk menyampaikan maklumat pembangunan dan meninggikan kesedaran rakyat terhadap usaha pembangunan negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Bahagian ini dinamakan Bahagian Pembangunan dan Pertanian. Peranan terpenting Bahagian ini ialah untuk mengorientasikan masyarakat Malaysia kepada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan serta usaha pembangunan desanya. Perkhidmatan pembangunan ini bekerjasama rapat dengan kementerian-kementerian berkenaan, jabatan-jabatan dan badan-badan berkanun yang terlibat langsung dengan projek-projek pembangunan setempat dan nasional (Adhikarya 1977:8). Usaha seperti ini harus dipuji dan disanjung tinggi. Untuk

melicinkan lagi usaha ini, kajian-kajian tentang keberkesanan rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh Bahagian ini harus dibuat dengan luasnya.

Jadi isi kandungan rancangan-rancangannya RTM sememangnya dirangka khas untuk memenuhi matlamat-matlamatnya sebagai penyampai maklumat dan alat untuk menyedarkan rakyat supaya bergiat dan menyertai projek-projek pembangunan yang dirancangan. Ini adalah nyata sehinggakan ada orang yang mengatakan rancangan-rancangan RTM adalah propagandistik. Penyiar-penyiar di Malaysia sedar akan dakwaan ini, lantaran media penyiaran semakin giat digunakan sebagai alat penyebar pembangunan dan dengan *humble*, mereka mengakui sekiranya media mereka itu bercorak propaganda, maka propaganda mereka itu haruslah baik dan boleh dipercayai. Maka wujudlah RTM atau penyiaran di Malaysia sebagai satu badan utuh untuk tujuan mempromosikan (*promote*) kempen-kempen pembangunan negara.

Kesimpulan

Dari penjelasan yang telah diuraikan, maka adalah terang bahawa penyiaran di negara-negara di kawasan ASEAN sememangnya dirangka mengikut perspektif pembangunan negara masing-masing. Di peringkat dasar atau polisi, penyiaran diakur sebagai berperanan penting untuk mewujudkan satu iklim yang sesuai untuk proses pembangunan yang pesat dirancang dan dilaksanakan. Dasar-dasar serta sistem penyiaran di negara-negara ini menunjukkan peranan penyiaran yang *promising* dalam pembangunan negara.

Namun begitu, beberapa masalah dasar menimbulkan beberapa *constraint* yang membataskan penyiaran dari memainkan perannya secara kesefuruhan. Pertama ialah masalah geografis yang menghalang pemasangan alat-alat transmisi penyiaran, justeru menyekat siaran kepada setiap pelusuk negara. Ini adalah paling dirasakan di Filipina, Indonesia dan Thailand.

Kedua ialah masalah kekurangan kuasa elektrik di kawasan perdesaan kebanyakan

negara-negara ASEAN. Ini membataskan penggunaan alat-alat penyiaran yang memerlukan kuasa elektrik, dan menyekat penduduk-penduduk desa dari penggunaan radio dan televisyen. Di samping itu juga, alat-alat penyiaran yang bermutu tinggi, terutamanya televisyen adalah mahal harganya dan lebih merupakan satu identifikasi *urban*. Kemungkinannya, sejumlah besar *target audience* pembangunan tidak dapat menerima mesej-mesej yang disalurkan melalui media penyiaran ini. Ini merupakan satu ironi dalam pembangunan.

Seperkara lagi ialah masalah bahasa yang begitu ketara sekali dialami di Indonesia, Thailand dan Filipina. Di negara-negara ini, terdapat banyak bahasa pertuturan yang mustahil dapat diuruskan sepenuhnya melalui media penyiaran. Perkara ini dapat diatasi dengan mengadakan atau menambahkan siaran-siaran daerah yang menggunakan loghat-loghat tempatan, tetapi ini memakan belanja yang banyak. Sejauh manakah negara-negara sedang membangun di rantau ASEAN ini mampu membiayai usaha ini?

Penyiar-penyiar di negara-negara ASEAN juga mengalami dilema oleh kerana rancangan-rancangan yang banyak diimpot. Rancangan-rancangan ini pula amat popular di kalangan penonton. Penyiar-penyiar pula harus berhati-hati supaya rancangan-rancangan yang didatangi dari luar ini tidak membentangkan isu-isu yang boleh memudaratkan negara. Namun begitu, masih terdapat unsur-unsur serta nilai-nilai kebaratan yang boleh meruntuhkan nilai-nilai serta adat tradisional masyarakat tempatan dalam rancangan-rancangan luar ini. Dalam usaha mengekalkan unsur-unsur dan nilai-nilai tempatan ini, penyiar-penyiar berada di persimpangan yang sukar dipilih arah tujuannya: sama ada untuk memenuhi kehendak penonton dan membiarkan aliran masuk rancangan luar dengan luas atau menambahkan rancangan tempatan yang berpandukan polisi-polisi tertentu dan menghadapi cemahan penonton kemudiannya.

Media penyiaran juga mengalami masalah *air time* atau waktu siaran. Sebagai contoh kita lihat apa yang dialami oleh RTM. Agensi-agensi

pembangunan di Malaysia, seperti RISDA, FELDA dan FELCRA amat memerlukan bantuan RTM untuk menyalurkan informasi dari mereka untuk sasaran masing-masing. RTM pula mengalami masalah untuk menempatkan mesej-mesej ini dalam program-program tertentu kerana masa siaran adalah terhad dan singkat. RTM cuba mengatasi masalah ini melalui rancangan-rancangan pembangunan yang bercorak kapsul.

Dapatlah dirumuskan di sini bahawa masalah-masalah tadi menyekat penyiaran atau media penyiaran dari memainkan peranan sepenuhnya sebagai alat bantu pembangunan negara. Namun begitu, usaha-usaha selanjutnya, mungkin di peringkat serantau, boleh dipertimbangkan untuk mengatasi apa yang dikatakan oleh Katz dan Wedell sebagai "*the constraints that cause promise to diverge from performance*" (1978:12).

BIBLIOGRAFI

- Feliciano, Gloria D.
1974 *Communication and Development*, tanpa citak.
- Katz & Wedell
1978 *Broadcasting In The Third World: Promise and Performance*, Macmillan Press, London.
- Frey, Frederick
1973 *Communication and Development* dlm. *Handbook of Communication*, Ithiel de Sola Pool (ed.) Rand McNally, Chicago, USA.
- SEADAG
1967 *Economic Interdependence in South East Asia* dlm. *The Asia Society*, New York.
- Hashim Amir Hamzah
1979 Ceramah bertajuk "Persatuan Penyiaran Asia dari segi struktur, pentadbiran, fungsi dan tanggung jawab dalam meninggikan mutu penyiaran di negara-negara Asia", Jabatan Komunikasi, UKM Bangi, September.
- Gorospe & Deuts
1973 *The Filipino in the 70's: An Economic Perspective*, New Day Publication, Quezon City.
- Paredes, Milagros
1976 "Reaching the Rural Filipino" dlm. *Media Asia*, vol. 3, no. 4.
- Lent, John
1978 *Broadcasting in Asia and the Pacific: a continental survey of radio and televisyen*, Temple Univ., Philadelphia.
- Manit Varin
1978 *Country Report on Thailand*, dibentangkan di *Seminar on Mass Media and Socioeconomic Change*, AMIC dan ITM, Kuala Lumpur.
- Eschenbach, Joseph
1972 *Rural Broadcasting in Indonesia: Report After 2 Years of Experience*, Directorate of Agricultural Extension, Directorate-General of Agriculture, Jakarta.
- Jakob Oetama
1978 *Mass Media in Indonesia* dlm. *Media Asia*, vol. 5, no. 2.
- Jaafar Kamir
1979 *Perkembangan Media Elektronik Dalam Pembangunan Mental dan Sosial Masyarakat Malaysia*, kertas-kerja dibentangkan di *Persidangan Komunikasi*, PENA dan DBP, Kuala Lumpur, September.
- AMIC
1978 *Asian Mass Communication Bulletin*, December.
- Caparas, D.Y.
1978 *Country Report on The Philippines*, dibentangkan di *Seminar on Mass Media and Socioeconomic Change*, AMIC dan ITM, Kuala Lumpur, October.
- Dot Ramli
1978 *Country Report on Malaysia*, dibentangkan di *Seminar on Mass Media and Socioeconomic Change*, AMIC dan ITM, Kuala Lumpur, October.
- Emery, E. et al
1976 *Mass Communication*, Univ. of Minnesota, New York.
- Wan Firuz Wan Mustafa
1978 *The Role of Mass Media in National Development*, dibentangkan di *Seminar on Mass Media and Socioeconomic Change*, AMIC dan ITM, Kuala Lumpur, October.